



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

PANDUAN PENDAFTARAN CALON SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2012

UNTUK
**JABATAN PELAJARAN NEGERI/
PEJABAT PELAJARAN DAERAH/
SEKOLAH/INSTITUSI**

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
BANDAR BARU SELAYANG

TARIKH KEMASKINI: 19 DISEMBER 2011

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1.	Tarikh Penting Pendaftaran Calon STPM 2012	3
2.	Kelayakan untuk Menduduki STPM	5
3.	Mata Pelajaran yang Ditawarkan	6
4.	Pemilihan Mata Pelajaran	6
5.	Bayaran Peperiksaan	6
6.	Cara Pendaftaran Calon Peperiksaan	7
7.	Calon Istimewa	9
8.	Tarikh Pendaftaran, Tarikh Peperiksaan dan Tarikh Tutup Perpindahan Pusat	9
9.	Pusat Peperiksaan	9
10.	Angka Giliran Calon	10
11.	Slip Pendaftaran SPSTPM	10
12.	Slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC)	10
13.	Menukar Kertas atau Mata Pelajaran atau Menambah Mata Pelajaran	11
14.	Borang Rekod Kerja Kursus Seni Visual (STPM/970/3.2)	11
15.	Perpindahan Pusat Peperiksaan	12
16.	Penarikan Diri	12
17.	Penangguhan Peperiksaan	12
18.	Jadual Waktu Peperiksaan	12
19.	Rumusan Kemasukan Calon Mengikut Pusat (RKC/P) dan Slip Meja	13
20.	Senarai Pengawasan Pusat Peperiksaan	13
21.	Data Maklumat Pendaftaran Calon	13
22.	Calon Lewat	13
23.	Keputusan Peperiksaan	13
24.	Rayuan Semak Semula Keputusan Peperiksaan	13
	Lampiran 1 - Kadar Bayaran dan Caj Peperiksaan STPM 2012	14

1. TARIKH -TARIKH PENTING PENDAFTARAN CALON STPM 2012

Bil	Tarikh bagi jenis calon		Perkara
	Sekolah/ Institusi (Calon jenis 1, 2, 7, dan 8)	Persendirian Individu (Calon jenis 3)	
1	9-13 Januari 2012*	9-13 Januari 2012*	Taklimat oleh Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri/Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) kepada sekolah/institusi tentang pendaftaran calon sekolah/institusi secara online melalui www.mpm.edu.my atau http://www.mesp.gov.my/online .
2	9 Januari 2012	9 Januari 2012	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan calon persendirian individu bagi peperiksaan STPM 2012 secara dibuka .
3	10 Februari 2012	-	Pendaftaran calon sekolah kerajaan (calon jenis 1) bagi peperiksaan STPM 2012 ditutup .
4	29 Mac 2012	-	Pendaftaran calon sekolah swasta, sekolah kerajaan negeri, dan sekolah integriti (calon jenis 2, 7, dan 8) dan calon persendirian individu (calon jenis 3) bagi peperiksaan STPM 2012 ditutup .
5	-	29 Mac 2012	Pendaftaran calon persendirian individu (Calon jenis 3) bagi peperiksaan STPM 2012 ditutup .
6	13 April 2012	13 April 2012	<p>Tarikh akhir Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri mengesahkan Senarai Pusat Peperiksaan [STPM/K9(JPN)] secara <i>online</i> dengan memastikan perkara yang berikut.</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Tiada pusat dan calon yang tercicir (b) Mengenalpasti sekolah/istitusi yang belum menjelaskan pendaftaran untuk dimaklumkan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) (c) Mengenalpasti pusat yang ingin melanjutkan tempoh pendaftaran dan memaklumkannya kepada MPM (d) Maklumat Calon Istimewa dari segi Penglihatan (Buta) (STPM/K11.1) telah diterima (jika ada). (e) Maklumat Calon Istimewa dari Segi Penglihatan (Rabun), Anggota/Spastik, Pertuturan (Sengau), Pendengaran (Kurang Dendar/Pekak) [STPM/K13(Pindaan 2006)] telah diterima (jika ada).

Bil	Tarikh bagi jenis calon		Perkara
	Sekolah/ Institusi (Calon jenis 1, 2, 7, dan 8)	Persendirian Individu (Calon jenis 3)	
7	13 April 2012	13 April 2012	Penghantaran borang Maklumat Calon Istimewa Dari Segi Penglihatan (Buta) (STPM/K11.1) dan borang Maklumat Calon Istimewa Dari Segi Penglihatan(Rabun), Anggota/Spastik, Pertuturan(Sengau), Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [STPM/K13(Pindaan 2006)] oleh Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri ke MPM.
8	15 Jun 2012	15 Jun 2012	Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) dimuatnaik ke laman portal MPM www.mpm.edu.my untuk disemak dan dicetak oleh Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi (SUP). Calon dikehendaki membawanya ke pusat peperiksaan sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan (tidak termasuk calon yang gagal memasuki IPTA).
9	15 Jun 2012	15 Jun 2012	Penghantaran Rumusan Kemasukan Calon (RKC/P) oleh MPM ke Jabatan Pelajaran Negeri (tidak termasuk calon yang gagal memasuki IPTA).
10	21 Jun 2012	21 Jun 2012	Tarikh akhir bagi SUP mengemukakan salinan pembetulan maklumat calon dalam LPKC kepada MPM.
11	29 Jun 2012	29 Jun 2012	Tarikh tutup permohonan perpindahan pusat peperiksaan (tidak termasuk bagi calon yang gagal memasuki IPTA).
12	6 Julai 2012	6 Julai 2012	Tarikh akhir permohonan untuk menukar mata pelajaran, tambah mata pelajaran, dan menggugurkan mata pelajaran.
13	Satu minggu selepas keputusan memasuki IPTA diumumkan (Calon yang gagal memasuki IPTA)		Pendaftaran lewat ditutup bagi calon yang gagal memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) 2012.
14	12 September 2012	12 September 2012	Tarikh akhir Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri mengemukakan permohonan pendaftaran daripada calon persendirian individu yang gagal memasuki IPTA ke MPM.
15	29 Oktober 2012	29 Oktober 2012	Tarikh akhir Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri menghantar STPM/K12 (Senarai Pegawai Pengawasan STPM ke MPM.

* Tempoh adalah tertakluk kepada keputusan JPN

2 SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN

- 2.1 Calon yang mempunyai satu daripada kelayakan yang berikut, termasuk lulus Bahasa Malaysia* dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), layak menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).
- (a) Sijil Pelajaran Malaysia tahun 1999 atau tahun-tahun sebelumnya
 - (b) Sijil Pelajaran Malaysia (Vokasional)
 - (c) *Malaysia Certificate of Education*
 - (d) *Federation of Malaya Certificate of Education*
 - (e) *Cambridge School Certificate*
 - (f) GCE/SAP (Malaysia atau Cambridge dengan **tiga** kelulusan peringkat biasa** yang diperoleh dalam satu peperiksaan)
 - (g) Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2000 hingga tahun 2010 yang diperoleh dalam satu peperiksaan dengan mendapat
 - (i) sekurang-kurangnya gred 6C bagi **tiga** mata pelajaran, **atau**
 - (ii) sekurang-kurangnya gred 6C bagi **dua** mata pelajaran dan lulus **empat** mata pelajaran
- 2.2 Calon yang mempunyai kelayakan seperti yang disenaraikan dalam para 2.1 di atas mestilah memperoleh kelayakan itu sekurang-kurangnya **dua** tahun sebelum mengambil peperiksaan STPM.
- 2.3 Calon yang mempunyai mana-mana kelayakan luar negeri yang setaraf dengan SPM hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran untuk mengambil peperiksaan STPM daripada Majlis Peperiksaan Malaysia.

* Calon yang memenuhi syarat (g) tetapi gagal Bahasa Malaysia boleh menggunakan keputusan lulus Bahasa Malaysia yang diambil dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan. Calon yang berasal dari luar negara dikecualikan daripada syarat lulus Bahasa Malaysia peringkat peperiksaan SPM.

** Kelulusan peringkat biasa GCE/SAP bermakna kepPeperiksaan pada peringkat SPM/MCE.

3 MATA PELAJARAN YANG DITAWARKAN

Sebanyak 23 mata pelajaran ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2012 seperti yang disenaraikan di bawah ini.

Kod	Mata Pelajaran	Kod	Mata Pelajaran	Kod	Mata Pelajaran
900	Pengajian Am	931	Usuluddin	*956	Further Mathematics T
910	Bahasa Malaysia	940	Sejarah	**958	Computing
911	Bahasa Cina	942	Geografi	#960	Physics
912	Bahasa Tamil	944	Ekonomi	#962	Chemistry
913	Bahasa Arab	946	Pengajian Perniagaan	#964	Biology
920	Literature in English	948	Perakaunan	966	Sains Sukan
922	Kesusasteraan Melayu	*950	Mathematics S	***970	Seni Visual
930	Syariah	*954	Mathematics T		

-
- Catatan :**
- * (1) Mata pelajaran 950 tidak boleh diambil bersama dengan 954 atau 956.
(2) Mata pelajaran 956 hanya boleh diambil bersama dengan 954.
 - ** Mata pelajaran 958 hanya ditawarkan kepada calon sekolah kerajaan dan sekolah swasta yang dibenarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia sahaja.
 - *** Kertas 1 dan Kertas 2 mesti diambil. Calon sekolah kerajaan dikehendaki mengambil Kertas 3, manakala calon sekolah swasta dan calon persendirian individu dikehendaki mengambil kertas 4.
 - # Kertas 1 dan 2 mesti diambil. Calon sekolah kerajaan dikehendaki mengambil kertas 3. Calon sekolah swasta boleh memilih untuk mengambil kertas 3 atau kertas 4 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon persendirian individu, calon mengulang, dan calon yang mengambil Physics, Chemistry, dan Biology di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil kertas 4.

Maklumat lanjut sila rujuk Peraturan dan Skema Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2012 dan sukanan pelajaran bagi mata pelajaran yang berkenaan yang boleh didapati dan dimuat turun daripada portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my.

4 PEMILIHAN MATA PELAJARAN

- 4.1 Sijil STPM merupakan sijil terbuka.
- 4.2 Dalam satu sesi peperiksaan calon boleh mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dan selebih-lebihnya lima mata pelajaran. Jika calon mengambil lima mata pelajaran, satu daripadanya mestilah Pengajian Am.
- 4.3 Calon tidak boleh mengambil kombinasi mata pelajaran atau kertas yang tidak dibenarkan oleh sukanan pelajaran. Sukanan Pelajaran boleh didapati dan dimuat turun daripada portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my.

5 BAYARAN PEPERIKSAAN

- | | | |
|-----|--|------------------------------------|
| 5.1 | Bayaran asas | RM55.00 |
| 5.2 | Bayaran untuk setiap mata pelajaran | RM35.00 satu mata pelajaran |
| 5.3 | Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan (calon jenis 1) dikecualikan daripada membayar yuran peperiksaan. | |

- 5.4 Bagi calon sekolah swasta (calon jenis 2) dan calon persendirian individu (calon jenis 3), bayaran perlu dibuat dengan cara membeli nombor PIN MEC daripada kaunter atau kiosk Bank Simpanan Nasional (BSN) atau secara perbankan internet. Maklumat lanjut sila layari www.mesp.gov.my/online.

Nota: **BSN akan mengenakan caj sebanyak RM1.00 bagi setiap pembelian nombor PIN MEC**

- 5.5 Sekolah/Institusi dinasihatkan untuk berunding dengan cawangan BSN terlebih dahulu jika hendak membuat pembelian nombor PIN MEC secara pukal melalui cek. Kelulusan pembelian nombor PIN MEC secara pukal melalui cek adalah tertakluk kepada kelulusan cawangan BSN tersebut.
- 5.6 Bayaran yang telah dibuat akan terpapar pada **Slip Pendaftaran SPSTPM** untuk rujukan calon (calon jenis 2 dan calon jenis 3).
- 5.7 Jika bayaran dibuat dengan menggunakan surat kebenaran menangguhkan peperiksaan yang dikeluarkan oleh MPM, butir-butir kelulusan ini (No. rujukan surat dll.) hendaklah diberi dengan **melampirkan satu salinan surat kebenaran Majlis Peperiksaan Malaysia** iaitu bersama slip pendaftaran SPSTPM calon. Calon yang dibenarkan menangguhkan peperiksaan **dikehendaki membayar semula Bayaran Asas (sebanyak RM55.00)**, selain daripada yuran mata pelajaran yang ditukar atau ditambah, jika ada. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan **Wang Pos/Kiriman Wang** atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**, dan dipalang **AKAUN PENERIMA**.

6 CARA PENDAFTARAN CALON PEPERIKSAAN

6.1 Calon Sekolah/Institusi

- (a) Pendaftaran calon sekolah/institusi dibuat secara *online* melalui portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my atau <http://www.mesp.gov.my/online>.
- (b) Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah terlebih dahulu mengemaskini maklumat sekolah/institusi yang akan menjadi pusat peperiksaan sebelum pendaftaran dibuka.
- (c) Pengetua sekolah/institusi hendaklah memaklumkan nama Setiausaha Peperiksaan (SUP) sekolah/institusinya kepada Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pegawai Pelajaran Daerah (PPD).
- (d) Taklimat tentang kaedah pendaftaran secara *online* di peringkat daerah kepada semua SUP sekolah/institusi hendaklah diberikan oleh PPD.
- (e) Pihak sekolah/institusi juga boleh mendapatkan maklumat tentang pendaftaran calon peperiksaan untuk sekolah/institusi melalui laman portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my.
- (f) Pihak sekolah/institusi perlu mendapatkan Nama Pengguna dan Kata Laluan daripada Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri untuk masuk ke dalam sistem pendaftaran *online* ini (alamat Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri dapat diperoleh daripada portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my). SUP sekolah/institusi dinasihatkan untuk memuat turun/mencetak **Manual Sekolah** dalam <http://www.mesp.gov.my/online> yang terpapar pada ikon sekolah untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran *online* tersebut.
- (g) Pengetua sekolah/institusi hendaklah mengarahkan SUP untuk mengurus pendaftaran sekolah/institusinya dengan mengambil tindakan yang berikut:
 - (i) Mengemaskini maklumat sekolah yang terdapat dalam sistem pendaftaran *online*
 - (ii) Mengisi data maklumat pendaftaran calon bagi sekolah/institusinya yang ingin menduduki peperiksaan

- (iii) Mengenalpasti calon istimewa dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekkak), pertuturan (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan, dan mendaftarkannya bersama-sama dengan calon lain tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah calon istimewa dan kemudahan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 6**.
- (iv) Memastikan nombor PIN MEC disediakan dengan secukupnya oleh calon sekolah/institusi yang ingin menduduki peperiksaan (bagi calon sekolah swasta sahaja).
- (v) Menyemak maklumat awal pendaftaran calon melalui slip pendaftaran SPSTPM seperti ejaan nama, nombor Kad Pengenalan, pusat untuk menduduki peperiksaan, mata pelajaran, kertas yang diambil dan maklumat lain yang tercatat pada SPSTPM adalah betul, dan mengemaskininya jika terdapat pindaan oleh calon sebelum talian pendaftaran *online* di sekolah ditamatkan. Slip SPSTPM ini boleh digunakan sebagai bukti pendaftaran telah dibuat bagi menuntut Slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) calon (jika maklumat calon tiada dalam semakan LPKC di portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my).
- (vi) Memastikan data maklumat pendaftaran calon adalah betul sebelum talian pendaftaran *online* di sekolah/institusi ditamatkan
- (vii) Menyemak slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) bagi calon sekolah/institusinya dan memastikan LPKC dicetak oleh calon sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan
- (viii) Memaklumkan maklumat calon sekolah/institusinya yang tercicir kepada Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri atau Majlis Peperiksaan Malaysia jika terdapat calon yang telah didaftarkan tiada dalam semakan LPKC dengan kadar **SEGERA**
- (ix) Mematuhi tarikh akhir talian pendaftaran *online* dibuka dan penghantaran maklumat pendaftaran/bahan/dokumen pendaftaran yang berkaitan seperti yang telah ditetapkan oleh Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri.

6.2 Calon Persendirian individu

- (a) Pendaftaran calon persendirian individu dibuat secara *online* melalui portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my atau <http://www.mesp.gov.my/online>.
- (b) Calon persendirian individu dinasihatkan supaya mendapatkan maklumat tentang pendaftaran peperiksaan melalui portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my dan merujuk kepada **Manual Calon Persendirian Individu** yang terpapar pada ikon calon persendirian individu dalam <http://www.mesp.gov.my/online> untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran *online* tersebut.
- (c) Calon boleh memilih pusat peperiksaan yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran secara *online* tetapi **penentuan pusat adalah tertakluk kepada Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri**. Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri berhak untuk memindahkan calon persendirian individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.

Menyemak maklumat awal pendaftaran melalui slip pendaftaran SPSTPM seperti ejaan nama, nombor Kad Pengenalan, pusat untuk menduduki peperiksaan, mata pelajaran, kertas yang diambil dan maklumat lain yang tercatat pada SPSTPM adalah betul, dan mengemaskininya sendiri sebelum talian pendaftaran *online* ditutup. SPSTPM ini boleh digunakan sebagai bukti pendaftaran telah dibuat bagi menuntut Slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) calon (jika maklumat calon tiada dalam semakan LPKC di portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my).

- (d) Calon istimewa dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekkak), pertuturan (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan juga mendaftar secara *online* tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah calon istimewa dan kemudahan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 6**.

7 CALON ISTIMEWA

- 7.1 Calon istimewa dari segi penglihatan (buta atau rabun), anggota (spastik), pendengaran (kurang dengar/pekkak), pertuturan (sengau), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia melalui Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri **selewat-lewatnya pada 26 April 2012**.
- 7.2 Maklumat tentang ketidakupayaan dan kemudahan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam borang **STPM/K11.1** atau **STPM/K13(Pindaan 2006)** (mana-mana yang berkenaan) mengikut jenis ketidakupayaan. Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua (jika calon sekolah/institusi). **Kemudahan yang boleh diberikan kepada calon istimewa hanya akan dipertimbang jika borang STPM/K11.1 atau STPM/K13(Pindaan 2006) (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.**
- 7.3 Borang **STPM/K11.1** atau **STPM/K13(Pindaan 2006)** dapat diperoleh dan dicetak daripada portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my atau semasa membuat pendaftaran secara online di dalam <http://www.mesp.gov.my/online>. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar berserta dengan salinan dokumen sokongan ke Majlis Peperiksaan Malaysia melalui Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri.

8 TARIKH PENDAFTARAN, TARIKH PEPERIKSAAN DAN TARIKH TUTUP PERPINDAHAN PUSAT

PERKARA	TARIKH
Tarikh Pendaftaran dibuka	9 Januari 2012
Tarikh Pendaftaran Ditutup	10 Februari 2012 (Calon Sekolah Kerajaan Sahaja) 29 Mac 2012 (Calon Sekolah Swasta dan Calon Persendirian Individu) Satu minggu selepas keputusan memasuki IPTA diumumkan (Calon yang gagal memasuki IPTA)
Tarikh Tutup Perpindahan Pusat	29 Jun 2012
Tarikh Ujian Lisan Bahasa Arab	18, 19, 20 September 2012 dan 24, 25, 26 September 2012
Tarikh Peperiksaan Bertulis	6 November – 6 Disember 2012

Nota:

Semua maklumat yang tertera adalah tertakluk kepada pindaan dan kelulusan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia. Tarikh peperiksaan juga boleh dirujuk pada Kalendar Peperiksaan STPM dan MUET 2012 yang dapat diperoleh daripada portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my.

9 PUSAT PEPERIKSAAN

9.1 Nombor Pusat Peperiksaan

- (a) Nombor pusat Peperiksaan hendaklah ditentukan oleh Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan sebelum pendaftaran dibuka.

9.2 Bilangan Calon

Bilangan calon di sesuatu pusat Peperiksaan **tidak** boleh lebih daripada **250 orang**.

9.3 Penetapan Pusat Peperiksaan

- (a) Penempatan calon persendirian individu di sesebuah pusat peperiksaan adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri. Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri berhak untuk memindahkan calon persendirian individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (b) Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan juga boleh menumpangkan calon sekolah/institusi di pusat lain jika difikirkan bilangan calon di sekolah/institusi tersebut **tidak ekonomik** dari segi pengendalian peperiksaan, iaitu **kurang daripada 50 orang**. Namun demikian, pertimbangan ini perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kedudukan geografi/lokasi dan latar belakang calon di sekolah/institusi tersebut. Namun demikian, perbincangan/perundingan dengan Pengetua sekolah/institusi yang berkenaan perlu dibuat sebelum tindakan ini diambil.

9.4 Senarai Pusat Peperiksaan STPM (STPM/K9)

- (a) Senarai Pusat Peperiksaan (STPM/K9) merupakan dokumen penting yang mengandung kod pusat, nama sekolah/institusi, jenis calon, dan bilangan calon yang didaftarkan di sesebuah negeri.
- (b) Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri perlu menyemak dan meneliti STPM/K9 edisi JPN dan edisi MPM sebelum membuat pengesahan bagi mengelakkan tiada pusat dan calon yang tercicir. Keciciran pusat dan calon akan menimbulkan kesulitan dari segi pengendalian peperiksaan terutamanya dari aspek bekalan kertas soalan.

10 ANGKA GILIRAN CALON

Angka giliran calon bagi semua calon akan ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Angka giliran calon ini akan diberitahu melalui slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC).

11 SLIP PENDAFTARAN SPSTPM

- 11.1 Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui slip pendaftaran SPSTPM yang dapat diperoleh dan dicetak setelah calon berjaya membuat pendaftaran secara *online*. Bagi calon sekolah/institusi, jika terdapat sebarang pindaan pada nombor Kad Pengenalan, ejaan nama, alamat, pusat untuk menduduki peperiksaan, mata pelajaran, dan kertas yang diambil, sila kemukakan pindaan tersebut kepada SUP sekolah/institusi untuk dikemaskinikan secara *online*.
- 11.2 Calon persendirian individu perlu mengemaskini butiran pendaftaran sendiri secara *online*.
- 11.3 Pengemaskinian maklumat calon di dalam sistem dihadkan sebanyak dua kali sahaja dan **sebelum pendaftaran ditutup**. Sebarang pindaan maklumat yang dibuat selepas tarikh tutup pendaftaran akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**.

12 SLIP LAPORAN PENDAFTARAN KEMASUKAN CALON (LPKC)

- 12.1 Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki peperiksaan akan diberitahu kepada calon dalam slip Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) melalui laman portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my **mulai 15 Jun 2012**. Calon yang mendaftar lewat kerana gagal memasuki IPTA/IPTS hendaklah menyemak LPKC masing-masing **selewat-lewatnya pada 17 September 2012**. Jika maklumat calon tiada dalam senarai LPKC, sila hubungi terus Majlis Peperiksaan Malaysia dengan kadar **SEGERA**. Bagi calon sekolah/institusi, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia melalui Pengetua sekolah/institusi masing-masing.
- 12.2 Calon perlu **mencetak LPKC sendiri** dan membawanya ke pusat peperiksaan pada hari peperiksaan sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan. SUP bagi calon sekolah/institusi boleh mencetak LPKC calon sekolah/institusi masing-masing sekaligus.

- 12.3 Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada LPKC seperti nombor Kad Pengenalan, ejaan nama, angka giliran, pusat untuk menduduki peperiksaan, mata pelajaran dan kertas yang diambil. Jika terdapat kesilapan, calon dikehendaki membuat pindaan pada slip LPKC tersebut dan mengemukakan salinannya kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) melalui Pengetua sekolah/institusi masing-masing bagi calon sekolah/institusi.
- 12.4 Bagi calon persendirian individu, pembetulan tersebut hendaklah dikemukakan terus ke Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET).
- 12.5 Pembetulan maklumat pada LPKC akan dikenakan **caj sebanyak RM50.00** dan hendaklah dikemukakan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia sebelum peperiksaan pertama. Pembetulan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas di pusat peperiksaan untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan. Pembetulan hanya akan dibuat pada slip keputusan peperiksaan yang akan dikeluarkan kelak jika pemakluman yang dikemukakan terlalu lewat.
- 12.6 Calon bertanggungjawab menentukan bahawa semua butiran dalam LPKC masing-masing adalah betul. Calon hendaklah menggunakan nombor kad pengenalan yang sama seperti yang tertera pada LPKC semasa peperiksaan kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas peperiksaan kelak dan akan menyusahkan calon sendiri.
- 12.6 Calon boleh menyemak status pendaftaran melalui Sistem Mesej Singkat (SMS) dengan menaip **INFOSTPM<jarak>INo. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888**.

13 MENUKAR KERTAS ATAU MATA PELAJARAN ATAU MENAMBAH MATA PELAJARAN

- 13.1 Jika seseorang calon telah mendaftar untuk sesuatu kertas atau mata pelajaran, tetapi ingin menukar kertas/mata pelajaran itu dengan yang lain selepas pendaftaran ditutup, bayaran sebanyak **RM50.00** akan dikenakan.
- 13.2 Bagi calon yang ingin menambah mata pelajaran yang telah didaftarkan, bayaran sebanyak **RM50.00** akan dikenakan di samping bayaran sebanyak **RM35.00** bagi setiap mata pelajaran yang ditambah.
- 13.3 Calon yang ingin menukar kertas atau mata pelajaran atau menambah mata pelajaran perlu mengisi borang **STPM/K14** yang dapat diperoleh dan dicetak daripada portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my.

14 BORANG REKOD KERJA KURSUS SENI VISUAL (STPM/970/3.2)

- 14.1 Borang ini digunakan untuk menghantar projek penghasilan karya Seni Visual (970/3) bagi calon jenis 1 dan calon jenis 2. Borang ini boleh diperoleh dengan mencetaknya melalui CD yang akan dibekalkan bersama Kertas Arahan Kerja Seni Visual – Projek Penghasilan Karya (Kertas 970/3) oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dalam bulan Disember 2011/Januari 2012.
- 14.2 Pengetua/SUP/Guru Seni Visual boleh memuat turun Arahan Pengendalian Projek Penghasilan Karya STPM 2012 dan soalan 970/3 Projek Penghasilan Karya daripada portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my.
- 14.3 Pengetua/SUP/Guru Seni Visual perlu memastikan bilangan calon yang akan mengambil mata pelajaran Seni Visual sebelum pendaftaran. Borang ini boleh digunakan bagi merekod maklumat calon untuk 20 orang.
- 14.4 Pengetua/SUP/Guru Seni Visual perlu menyediakan dalam dua salinan dan menghantar satu salinan ke Jabatan Pelajaran Negeri bersama projek yang dihasilkan oleh calon, sebelum atau pada **24 September 2012**. Satu salinan lagi disimpan oleh Pengetua.
- 14.5 Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri dikehendaki menghantar semua projek yang dihasilkan oleh calon bersama dengan borang rekod kerja kursus ke Majlis Peperiksaan Malaysia sebelum atau pada **8 Oktober 2012**.

15 PERPINDAHAN PUSAT PEPERIKSAAN

- 15.1 Perpindahan dari satu pusat peperiksaan ke satu pusat peperiksaan yang lain hanya akan dibenarkan jika alasan yang dikemukakan oleh calon adalah munasabah. Permohonan hendaklah melengkapkan borang **Permohonan Perpindahan Pusat Peperiksaan (STPM/K14)** yang dapat diperoleh dan dicetak daripada laman portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my. Permohonan hendaklah dihantar ke Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) melalui Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri.

Tarikh tutup permohonan perpindahan pusat ialah **29 Jun 2012**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

- 15.2 Bayaran perpindahan pusat peperiksaan ialah **RM50.00 dan dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Bayaran akan dikembalikan jika permohonan tidak diluluskan.
- 15.3 Calon yang telah diluluskan perpindahan pusat peperiksaan mestilah mengambil peperiksaan di pusat yang baharu dengan menggunakan nombor pusat dan angka giliran yang baharu (LPKC baharu).
- 15.4 Calon yang memohon perpindahan pusat peperiksaan hendaklah menyemak status permohonan mereka melalui laman portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my selewat-lewatnya pada **17 September 2012**. Calon hendaklah menghubungi Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri atau Majlis Peperiksaan Malaysia jika nama calon tiada dalam senarai status dengan kadar **SEGERA**.

16 PENARIKAN DIRI

- 16.1 Calon yang menarik diri daripada peperiksaan **tidak** akan dikembalikan yuran peperiksaannya **kecuali** bagi kes yang berikut:
- (i) calon yang sakit berpanjangan (surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah dikemukakan)
 - (ii) calon yang meninggal dunia (salinan surat Perakuan Kematian hendaklah dikemukakan oleh warisnya)
 - (iii) calon yang diluluskan permohonannya untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) (salinan surat tawaran hendaklah dikemukakan oleh calon)

Calon yang ingin menarik diri daripada menduduki peperiksaan perlu mengisi borang **STPM/K14** dapat diperoleh dan dicetak daripada laman portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my.

Nota:

Jumlah yuran yang akan dikembalikan adalah tertakluk kepada keputusan Majlis Peperiksaan Malaysia.

17 PENANGGUHAN PEPERIKSAAN

Calon yang ingin menangguhkan peperiksaannya hendaklah mengemukakan permohonannya dengan memberikan sebab dan menyertakan bukti kepada Majlis Peperiksaan Malaysia sebelum tarikh peperiksaan bermula. Kelulusan permohonan untuk menangguhkan peperiksaan ini tertakluk kepada pertimbangan Majlis Peperiksaan Malaysia.

18 JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN

- 18.1 Peperiksaan bertulis akan diadakan dalam bulan November dan Disember, manakala Ujian Lisan Bahasa Arab akan diadakan dalam bulan September.
- 18.2 Calon boleh menyemak jadual waktu peperiksaan STPM dengan memuat turun dan mencetaknya daripada portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my mulai **17 September 2012**.

19 RUMUSAN KEMASUKAN CALON MENGIKUT PUSAT (RKC/P) DAN SLIP MEJA

- 19.1 Rumusan Kemasukan Calon Mengikut Pusat (RKC/P) dan slip meja akan dihantar melalui Sektor Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri.
- 19.2 Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri perlu memastikan bahawa bilangan RKC/P dan slip meja yang diterima adalah akur dengan bilangan pusat yang terdapat dalam STPM/K9.
- 19.3 SUP sekolah/institusi hendaklah menyemak maklumat yang terdapat dalam RKC/P, seperti ejaan nama, angka giliran, nombor Kad Pengenalan, bilangan mata pelajaran dan kertas yang didaftarkan oleh setiap calon di sekolah/institusi masing-masing adalah akur dengan maklumat yang tercatat pada LPKC calon. SUP sekolah/institusi hendaklah memaklumkan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) jika terdapat ketidakakuruan dengan kadar **SEGERA**.

20 SENARAI PENGAWASAN PUSAT PEPERIKSAAN

- 20.1 Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah melantik Penyelia Kawasan, Ketua Pengawas, dan Pengawas selepas STPM/K9 edisi MPM disahkan. Format borang Senarai Pegawai-Pegawai Pengawasan (STPM/K12) dapat diperoleh dan dicetak daripada laman portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my.
- 20.2 STPM/C8 yang telah dilengkappkan hendaklah dihantar ke MPM **selewat-lewatnya seminggu sebelum Peperiksaan STPM bertulis bermula**. Maklumat boleh dihantar secara emel ke MPM.

21 DATA MAKLUMAT PENDAFTARAN CALON

- 21.1 Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah mengenal pasti dan memantau sekolah/institusi atau daerah/bahagian yang mempunyai calon STPM untuk memastikan calon sekolah/institusi atau daerah/bahagian tersebut mendaftar untuk mengambil Peperiksaan STPM **sebelum tarikh tutup pendaftaran**.
- 21.2 Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri juga digalakkan untuk memberitahu Pengetua sekolah/institusi supaya **mengisi data maklumat pendaftaran calon dan menghantar dokumen yang berkaitan lebih awal** bagi mengelakkan sebarang kelewatian yang boleh menimbulkan masalah.

22 CALON LEWAT

Calon yang ingin mendaftar untuk menduduki STPM selepas tarikh tutup pendaftaran hendaklah diarahkan menghantar permohonan terus kepada Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia untuk dipertimbangkan.

23 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- 23.1 Slip keputusan peperiksaan bagi calon sekolah/institusi akan dihantar kepada Pengetua sekolah/institusi berkenaan melalui Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri manakala bagi calon persendirian individu, keputusan akan dihantar melalui pos. Slip keputusan ini bukan sijil.
- 23.2 Calon juga boleh menyemak keputusan peperiksaan melalui laman portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my atau melalui SMS dengan menaip **STPM<jarak>RESULT<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888**.

24 RAYUAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

Rayuan menyemak semula keputusan peperiksaan akan dikenakan bayaran **RM50.00** bagi satu kertas. Tarikh tutup rayuan semak semula ini ialah **dua minggu** selepas tarikh keputusan peperiksaan STPM diumumkan. Borang permohonan untuk rayuan menyemak semula keputusan peperiksaan dapat diperoleh dan dicetak daripada portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my selepas keputusan STPM diumumkan.

KADAR BAYARAN DAN CAJ PEPERIKSAAN STPM 2012

1. Bayaran Pendaftaran *

1.1	Bayaran asas	RM55.00
1.2	Bayaran bagi setiap mata pelajaran	RM35.00 satu mata pelajaran

2. Perpindahan Pusat Peperiksaan

Permohonan perpindahan dari satu pusat peperiksaan ke pusat yang lain dikenakan bayaran khas sebanyak **RM50.00** dibuat secara Wang Pos/Kiriman Wang/draf bank.

3. Calon Menumpang

Calon yang menumpang di sesuatu pusat peperiksaan, iaitu yang lain dari pusat asalnya atas sebab-sebab peribadi dianggap sebagai calon berpindah pusat peperiksaan, dan akan dikenakan bayaran **RM50.00**.

4. Pertukaran Mata Pelajaran

Calon yang ingin menukar mata pelajaran/kertas yang telah didaftarkan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**.

5. Pembetulan Maklumat

Pembetulan maklumat di dalam LPKC yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**.

6. Penambahan Mata Pelajaran

Calon yang ingin menambah mata pelajaran dikenakan caj sebanyak **RM50.00** di samping bayaran sebanyak **RM35.00** bagi setiap mata pelajaran yang ditambah.

Nota:

* Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan (calon jenis 1) **dikecualikan** daripada membayar yuran peperiksaan.